



8 September 2017
8 September 2017
P.U. (A) 256

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PINDAAN) (NO. 4) 2017

FOOD (AMENDMENT) (NO. 4) REGULATIONS 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PINDAAN) (NO. 4) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Makanan 1983 [*Akta 281*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Makanan (Pindaan) (No. 4) 2017**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2017.

Pindaan peraturan 4

2. Peraturan-Peraturan Makanan 1985 [*P.U. (A) 437/1985*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam perenggan 4(1)(c) dan subperaturan 4(3), dengan memasukkan selepas perkataan “mel berdaftar A.T. (Akuan Terima)” perkataan “atau melalui perkhidmatan kurier dengan akuan terima”.

Pindaan peraturan 5

3. Perenggan 5(c) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “pegawai berkuasa lain” perkataan “atau melalui mel berdaftar A.T. (Akuan Terima) atau melalui perkhidmatan kurier dengan akuan terima”.

Pindaan peraturan 397

4. Subperaturan 397(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “lima ribu ringgit” dengan perkataan “sepuluh ribu ringgit”.